PP

lwn.

CHEAH SUN LAI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
RAUS SHARIF H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-179-2000]
18 JANUARI 2001

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 467, 474 - Mengguna dokumen palsu sebagai tulen - Mengguna kad ATM klon sebagai tulen - Unsur-unsur - Niat curang - Kad klon mampu menembusi mesin ATM bagi mengeluar wang dan memeriksa akaun kepunyaan orang lain - Sama ada niat curang dibuktikan - Sama ada kes prima facie dibuktikan*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 467, 474 - Mengguna dokumen palsu sebagai tulen - Mengguna kad ATM klon sebagai tulen - Pembuktian - Kad klon diuji kepada mesin ATM dan IBM card reader - Kebolehfungsian mesin - Sama ada pembekal perlu memberi keterangan - Kegagalan memanggil pembekal mesin sebagai saksi - Sama ada memudaratkan*

PROSEDUR JENAYAH: *Saksi - Pemanggilan semula - Prinsip terpakai - Permohonan memanggil semula saksi pendakwa di akhir kes pendakwaan untuk mengesahkan keterangan - Sama ada patut dibenarkan - Kanun Acara Jenayah s. 425*

Tertuduh menghadapi tuduhan di bawah s. 467 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah s. 474 Kanun yang sama, kerana memiliki dua kad ATM palsu ('P1C dan P1D') dengan tujuan curang untuk menggunakannya sebagai tulen. Fakta menunjukkan bahawa P1C dan P1D adalah diklon dari kad ATM keluaran Bank Simpanan Nasional ('BSN').

Di hadapan hakim mahkamah sesyen, pihak pendakwa mengemukakan keterangan bahawa: (i) tertuduh ditahan ketika cuba mengeluarkan wang melalui mesin ATM di sebuah cawangan BSN di Pulau Pinang; (ii) ketika ditahan P1C dan P1D serta tiga pelekat yang dicatat dengan nombor 6409, 3049 dan 5155 yang disyaki nombor PIN dijumpai dalam milik tertuduh; (iii) SP1 telah melakukan ujian ke atas P1C dan P1D dengan menggunakan mesin ATM BSN serta mesin IBM card-reader; (iv) melalui ujian di mesin ATM BSN, SP1 mendapati bahawa P1C boleh menembusi mesin tersebut jika nombor pin 6409 digunakan, manakala P1D boleh menembusinya dengan nombor pin 5155; (v) SP1 juga mendapati bahawa dengan menggunakan

kombinasi kad dan nombor pin tersebut, pengeluaran wang dan semakan akaun boleh dilakukan; (vi) melalui ujian pada mesin IBM card-reader, SP1 mendapati bahawa P1C merujuk kepada kad ATM kepunyaan seorang Nazeri Hassan, manakala P1D merujuk kepada kad ATM kepunyaan seorang Che Puteh Abd Rahman.

Selain itu, SP5, saksi terakir pendakwa, menyatakan bahawa beliau nampak SP1 menggunakan kadnya sendiri di mesin IBM card-reader, di mana beliau dapati bahawa mesin tersebut berfungsi dengan baik. Namun begitu, SP1 sendiri, dalam keterangannya, tidak menyebut apa-apa tentang hal ini. Dalam hal keadaan sedemikian, setelah SP5 memberi keterangan, pihak pendakwa memohon untuk memanggil semula SP1 di bawah peruntukan s. 425 Kanun Acara Jenayah ('KAJ') bagi mengesahkan keterangan SP5. Permohonan ini bagaimanapun ditolak oleh hakim sesyen yang bijaksana.

Hakim sesyen seterusnya memutuskan bahawa keterangan yang ada tidak membuktikan apa-apa niat curang di pihak tertuduh untuk menggunakan P1C dan P1D sebagai dokumen tulen. Menurut hakim sesyen, pembekal mesin ATM dan IBM card-reader harus dipanggil sebagai saksi bagi menentukan kebolehfungsian mesin-mesin tersebut, dan kegagalan pendakwa berbuat demikian menyebabkan mahkamah tidak dapat mempastikan samada P1C dan P1D dapat digunakan sebagai dokumen tulen. Beliau kemudian membebaskan tertuduh atas alasan tiada kes *prima facie* dibuktikan terhadapnya.

Pendakwa merayu. Di hadapan hakim mahkamah tinggi yang bijaksana persoalan penting yang berbangkit ialah: (i) sama ada hakim mahkamah sesyen menggunakan budi bicaranya dengan betul bila menolak permohonan pendakwa untuk memanggil semula SP1; dan (ii) sama ada tertuduh dalam halkeadaan yang wujud berniat menggunakan P1C dan P1D sebagai tulen.

Diputuskan:

[1] Seksyen 425 KAJ memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah untuk memanggil semula atau memeriksa semula mana-mana saksi sekiranya keterangan saksi tersebut perlu untuk suatu keputusan yang adil. (ms 539 a)

[2] Hakim mahkamah sesyen telah tersilap bilamana beliau menolak permohonan pendakwa untuk memanggil semula SP1. Ini kerana permohonan untuk memanggil semula dibuat sebelum pihak pendakwa menutup kes, dan mengikut rekod, SP1 setelah memberi keterangan hanya dilepaskan tertakluk untuk dipanggil semula. Keterangan menunjukkan bahawa tujuan pihak pendakwa untuk memanggil semula SP1 ialah untuk mengesahkan fakta bahawa beliau sememangnya ada menggunakan kadnya sendiri di mesin IBM card-reader sebelum kad-kad yang dijumpai dari tertuduh diujikan ke mesin tersebut. Pemanggilan

semula SP1, dengan itu, bukanlah cubaan untuk pendakwa membaiki kesnya, tetapi lebih untuk membetulkan ketinggalan yang hanya disedari oleh pihak pendakwa setelah SP5 memberi keterangan. (ms 540 c-e)

[3] Adalah tidak perlu untuk pihak pendakwa memanggil saksi-saksi daripada pembekal kedua-dua mesin ATM dan IBM card-reader untuk membuktikan bahawa kedua-duanya berfungsi dalam keadaan baik dan sempurna. Ini kerana mesin-mesin tersebut bukanlah mesin-mesin ujian dalam erti kata yang sebenarnya, tetapi merupakan mesin-mesin yang sedia dan sedang digunakan oleh pihak bank untuk transaksi harian di cawangannya. (ms 541 f-g)

[3a] Walau apa pun, memandangkan penggunaan P1C dan P1D dengan nombor pin yang berkaitan di mesin ATM membolehkan wang dikeluarkan, tentulah mesin tersebut berfungsi. Samalah juga dengan mesin ABM card-reader, di mana P1C dan P1D apabila digunakan kepada mesin tersebut merujuk masing-masing kepada akaun yang terdapat di BSN yang dipunyai bukan oleh tertuduh tetapi oleh Nazeri Hassan dan Che Puteh Abd Rahman. SP1 dan SP5 juga memberi keterangan tentang kebolehfungsian mesin-mesin tersebut. Oleh itu keterangan bahawa kedua-dua mesin adalah berfungsi tidak seharusnya diragukan. (ms 542 b-c)

[4] Sama ada tertuduh berniat untuk menggunakan P1C dan P1D sebagai tulen adalah sesuatu yang boleh dibuat inferens dari fakta kes. Dalam kes ini, fakta bahawa P1C dan P1D boleh menembusi akaun simpanan BSN yang bukan milik tertuduh apabila digunakan bersama-sama nombor pin yang dijumpai dalam dompet tertuduh adalah elemen penting dalam menentukan niat tertuduh memiliki eksibit-eksibit tersebut. Ia memadai bagi mahkamah membuat inferens bahawa tertuduh mempunyai niat secara curang untuk menggunakan kad-kad tersebut sebagai tulen. Jelas, secara *prima facie*, unsur ini telah dibuktikan oleh pihak pendakwa. (ms 542 g-h)

[Rayuan dibenarkan. Tertuduh diarah dipanggil membela diri.]

Kes-kes yang dirujuk:

PP v. Phon Nam [1989] 1 CLJ 7; [1989] 1 CLJ (Rep) 142 ***(dirujuk)***
PP v. Lin Lian Chen [1990] 2 CLJ 1020; [1990] 2 CLJ (Rep) 746 ***(dibezakan)***
PP v. Lin Man Chen [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 ***(dibezakan)***
Ramli Kechik v. PP [1986] 1 CLJ 308; [1986] CLJ (Rep) 243 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 425
Penal Code, ss. 467, 474

Bagi pihak perayu - Umar Saifuddin Jaafar DPP
Bagi pihak penentang - Jagdeep Singh Deo; T/n Karpal Singh & Co

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Raus Shariff H:

Ini adalah merupakan rayuan oleh pihak pendakwa raya terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen di Butterworth yang melepaskan dan membebaskan tertuduh Cheah Sun Lai @ Sia Soon Lai di akhir kes pendakwaan atas dua pertuduhan seperti berikut:

Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pada 7 Ogos 1998 jam lebih kurang 5.15 petang dihadapan Bank Simpanan Nasional Cawangan Mini Padang Lallang, di dalam daerah Seberang Perai Tengah, di dalam Negeri Pulau Pinang, didapati dalam milik kamu suratan cagaran berharga yang palsu iaitu sekeping kad ATM Gold Leaf Club National bernombor akaun 00012345875-9 yang no akaunnya adalah 820800566569128 iaitu satu suratan dari jenis yang tersebut di dalam Seksyen 467 Kanun Keseksaan, dengan pengetahuan yang suratan itu adalah palsu dan dengan maksud supaya suratan itu digunakan dengan curangnya sebagai tulin dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 474 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada 7 Ogos 1998 jam lebih kurang 5.15 petang di hadapan Bank Simpanan Nasional Cawangan Mini Padang Lallang, di dalam daerah Seberang Perai Tengah, di dalam Negeri Pulau Pinang, didapati dalam milik kamu suratan cagaran berharga yang palsu iaitu sekeping kad ATM Gold Leaf Club National bernombor 00012345876-9 yang nombor akaunnya adalah 820800564539013 iaitu satu suratan dari satu jenis yang tersebut di dalam Seksyen 467 Kanun Keseksaan, dengan pengetahuan yang suratan itu adalah palsu dan dengan maksud supaya suratan itu digunakan dengan curangnya sebagai tulin dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 474 Kanun Keseksaan.

Secara ringkasnya, keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa raya adalah seperti berikut:

Pada 7 Ogos 1998, jam lebih kurang lima petang, En Mujibburahman bin Abd Rashid (SP1) seorang pegawai yang bertugas di Bahagian Siasatan, Cawangan Utama Bank Simpanan Nasional di Jalan Macalister telah berada di Cawangan Mini Bank Simpanan Nasional Padang Lallang, Bukit Mertajam, Seberang Perai. Beliau berada di situ bersama empat orang lagi kakitangan Bank Simpanan Nasional Cawangan Utama iaitu Rosaidi bin Awang Kechik (SP3),

Abd Halim Omar (SP4), Rohashidie Ab Rahim dan Abd Latif Mansor Mereka berada di situ untuk operasi membanteras penggunaan kad ATM klon.

Pada jam antara 5.10 petang hingga 5.15 petang, salah seorang anggota kumpulan tersebut yang bertugas di bahagian mesin ATM iaitu SP3 telah memaklumkan kepada SP1 bahawa ada kad ATM klon sedang digunakan di mesin ATM, Cawangan Bank tersebut. Kad yang digunakan ialah kad Gold Leaf Club Nasional yang bernombor 00012345874-9 ("P1A"). SP1 telah mengarahkan SP3 supaya menahan kad tersebut dan arahkan SP4 dan Abd Latif Mansor keluar melalui pintu belakang untuk menahan orang yang menggunakan kad klon di mesin ATM yang terletak di luar premis bank. Selepas kedua-dua mereka keluar, satu lagi kad klon telah digunakan dan SP1 mengarahkan agar kad kedua yang bernombor 00012345877-9 ("P1B") itu ditahan. Pada masa itu juga SP4 dan rakannya berjaya menahan seorang lelaki Cina yang sedang menjalankan urusan di mesin ATM, cawangan bank tersebut. Lelaki yang ditahan adalah tertuduh dan telah dibawa masuk ke dalam premis bank.

SP1 kemudiannya telah menghubungi Insp Jimpun Dian (SP5) dari bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan (IPK) Pulau Pinang. SP5 yang tiba ke tempat kejadian lebih kurang pukul 6.45 petang telah membuat pemeriksaan ke atas badan tertuduh dan hasil pemeriksaan, beliau telah menjumpai satu dompet hitam. Dompet hitam itu mengandungi dua keping kad Gold Leaf Club Nasional ("P1C" dan "P1D") dan satu kad ATM Ban Hin Lee Bank. "P1C" dan "P1D" bentuk fizikalnya sama dengan kad kad "P1A" dan "P1B". "P1C" dan "P1D" tersebut mempunyai nombor siri masing-masing iaitu, 00012345875-9 dan 00012345876-9. Pada bahagian dalam dompet, SP5 juga menjumpai tiga pelekat warna 'orange' yang dicatat dengan nombor yang disyaki nompor PIN. Nombor-nombor yang ada pada pelekat tersebut ialah 6409, 3049 dan 5155.

Pada 18 Ogos 1998, SP1 bersama-sama dengan SP5 telah melakukan ujian ke atas empat kad-kad "P1A", "P1B", "P1C" dan "PID" di Cawangan Utama Bank Simpanan Nasional di Jalan Macalister Pulau Pinang. Hasil dari ujian yang dibuat melalui mesin ATM Bank Simpanan Nasional, adalah didapati bahawa kad "P1C" boleh menembusi mesin ATM jika nombor pin 6409 digunakan, manakala kad "P1D" boleh menembusi mesin ATM yang sama dengan nombor pin 5155. Dengan menggunakan kombinasi kad dan nombor pin seperti yang dinyatakan tersebut, pengeluaran wang dan semakan baki akaun boleh dilakukan. SPl juga turut membuat ujian untuk mengenal pasti nombor akaun dengan menggunakan mesin IBM 'card-reader'. Hasil ujian menunjukkan kad "P1C" merujuk – kepada nombor akaun 820800566569128, kepunyaan Nazeri Hassan dan "P1D" merujuk kepada nombor akaun

820800564539103 kepunyaan Che Puteh Ab Rahman. Kedua-dua kad "P1C" dan "P1D" adalah kad yang dijumpai oleh SP5 di dalam dompet hitam di badan tertuduh.

Di akhir kes pendakwaan, hakim Mahkamah Sesyen telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan secara *prima facie* unsur-unsur yang perlu dibuktikan untuk kesalahan dibawah s. 474 Kanun Ke seksaan kecuali unsur bahawa tertuduh berniat secara curang atau sengaja menipu (fraudulently) untuk menggunakan dokumen palsu itu sebagai dokumen tulen. Rumusan alasan hakim Mahkamah Sesyen dalam membuat keputusan sedemikian ialah kerana kedua-dua mesin yang digunakan untuk membuat ujian oleh SP1 iaitu mesin ATM Bank Simpanan Nasional dan IBM 'card-reader' tidak dibuktikan berada dalam keadaan sempurna. Menurut hakim Mahkamah Sesyen, saksi-saksi dari pembekal kedua-dua mesin tersebut sepatutnya dipanggil untuk mengemukakan keterangan berkenaan kebolehfungsian tepat mesin-mesin tersebut. Oleh itu, hakim Mahkamah Sesyen berpendapat bahawa tidak dapat dipastikan samada "PIC" dan "PID" iaitu kad-kad dalam milikan tertuduh semasa tertuduh ditangkap, dapat digunakan sebagai dokumen tulen. Dengan keraguan itu, beliau memutuskan bahawa pihak pendakwa gagal membuktikan kesnya secara *prima facie* dan memerintahkan tertuduh dilepaskan dan dibebaskan daripada kedua-dua tuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri.

Semasa rayuan, timbalan pendakwa raya telah membangkitkan dua isu utama. Pertamanya ialah mengenai keputusan hakim Mahkamah Sesyen yang telah menolak permohonan pihak pendakwa untuk memanggil semula SP1 mengikut peruntukan s. 425 Kanun Acara Jenayah. Tujuan pihak pendakwa memanggil semula SP1 ialah untuk menyatakan bahawa beliau sebenarnya ada menggunakan kadnya sendiri di mesin IBM 'card-reader' sebelum kad-kad yang dijumpai dalam milikan tertuduh diuji melalui mesin ATM Bank Simpanan Nasional dan IBM 'card-reader' di Cawangan Utama Bank Simpanan Nasional di Jalan Macalister Pulau Pinang. Menurut timbalan pendakwa raya, keenganan hakim Mahkamah Sesyen memanggil semula SP1, telah memprejudiskan kes pihak pendakwa.

Isu kedua yang dibangkitkan oleh timbalan pendakwa raya ialah walaupun tanpa keterangan tambahan SP1, keputusan hakim Mahkamah Sesyen yang menyatakan pihak pendakwa telah gagal membuktikan unsur pertuduhan iaitu mengenai niat tertuduh untuk menggunakan kad palsu tersebut sebagai tulen adalah bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan. Menurut timbalan pendakwa raya, keterangan menunjukkan bahawa kedua-dua kad yang diuji oleh SP1 bersama-sama SP5 boleh menembusi akaun di Bank Simpanan Nasional, sedangkan kedua-dua kad bukan dikeluarkan oleh Bank Simpanan Nasioanal atau sekutunya.

Peguam tertuduh di dalam hujah balasnya telah menyatakan bahawa hakim Mahkamah Sesyen telah membuat keputusan yang wajar dengan tidak membenarkan SP1 dipanggil semula. Beliau berhujah bahawa keterangan yang hendak diberikan oleh SP1 bukanlah keterangan baru dan ianya adalah percubaan pihak pendakwa untuk membaiki kesnya. Mengenai isu samada kad dalam milikan tertuduh boleh digunakan sebagai tulen, peguam tertuduh telah berhujah bahawa walaupun SP1 telah menjalankan ujian menggunakan dua mesin, keberfungsian mesin tersebut telah tidak dibuktikan. Menurut peguam, bahawa tahap pembuktian samada mesin tersebut boleh digunakan adalah ditahap melampaui keraguan yang munasabah dan menurutnya pihak pendakwa telah gagal berbuat demikian. Oleh itu menurutnya, oleh kerana unsur tertuduh berniat untuk menggunakan kad-kad klon tersebut sebagai kad tulen telah tidak dibuktikan di tahap melampaui keraguan yang munasabah, maka keputusan hakim Mahkamah Sesyen melepaskan dan membebaskan tertuduh adalah tepat dan wajar.

Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak dan dengan meneliti alasan penghakiman hakim Mahkamah Sesyen dan nota keterangan di dalam kes ini, keputusan mahkamah ini di atas kedua-dua isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

(i) Isu Pemanggilan Semula Saksi SP1

Adalah diperhatikan dari nota keterangan bahawa permohonan pihak pendakwa untuk memanggil semula SP1, ialah selepas SP5 memberi keterangan. SP5 adalah pegawai penyiasat kes ini dan adalah saksi terakhir pihak pendakwa. SP5 dalam keterangannya ada menyatakan bahawa sebelum SP1 membuat ujian terhadap "P1A", "P1B", "P1C" dan "P1D" di mesin-mesin ATM Bank Simpanan Nasional dan IBM 'card-reader', beliau nampak SP1 menggunakan kadnya sendiri di mesin IBM 'card-reader' dan beliau mendapati mesin tersebut adalah berfungsi. Walaubagaimanapun SP1 semasa memberi keterangannya tidak menyatakan sedemikian. Jadi adalah jelas bahawa tujuan pihak pendakwa untuk memanggil SP1 ialah untuk mengesahkan fakta bahawa beliau sememangnya ada menggunakan kadnya sendiri di mesin IBM 'card-reader' sebelum kad-kad yang dijumpai dari tertuduh diujikan kepada mesin tersebut.

Permohonan pihak pendakwa untuk memanggil SP1 adalah di bawah peruntukkan s. 425 Kanun Acara Jenayah yang memperuntukkan seperti berikut:

> Any Court may at any stage of any inquiry, trial or other proceeding under this Code summon any person as a witness, or examine any person in attendance though not summoned as a witness, or recall and re-examine any person already examined, and the court shall summon and examine or recall and re-examine any such person if his evidence appears to it essential to the just decision of the case.

Dari peruntukan tersebut, adalah jelas bahawa s. 425 Kanun Acara Jenayah memberikan kuasa budi bicara kepada mahkamah untuk memanggil semula atau memeriksa semula mana-mana saksi, sekiranya keterangan saksi tersebut adalah perlu untuk suatu keputusan yang adil. Mahkamah Agung di dalam kes *Ramli bin Kechik v. Public Prosecutor* [1986] 1 CLJ 308; [1986] CLJ (Rep) 243 dan kes *Public Prosecutor v. Phou Nam* [1989] 1 CLJ 7; [1989] 1 CLJ (Rep) 142 telah menjelaskan mengenai pemakaian peruntukan s. 425 Kanun Acara Jenayah tersebut. Di dalam kes *Ramli bin Kechik*, Mohamed Azmi HMA semasa menyampaikan penghakiman mahkamah telah menyatakan seperti berikut:

> The section consists of two parts, the first giving a discretionary power of the court under which it may (1) summon any person as a witness or (2) examine any witness in attendance, though not summoned as a witness or (3) re-call or re-examine any person already examined. The second part of the section imposes an obligation on the court to summon and examine or re-call and re-examine any such person if his evidence appears essential to the just decision of the case. The section is intended to enable the court to get at the truth and to come to a proper conclusion in the matter under inquiry or trial. It is not limited to witnesses whom the court examines on its own behalf but also applies to witnesses for the prosecution as well as witnesses for the defence. Hence, the defence as well as the prosecution may be allowed to adduce additional evidence under this section. The object of the section is just as much the prevention of escape of a guilty person through some carelessness of the prosecution or the Magistrate as the vindication of the innocence of the person wrongly accused owing to the carelessness and ignorance of one party. If there is the apprehension of justice failing by an erroneous acquittal or by an erroneous conviction the court would be justified in exercising its discretion in calling for additional evidence under this section. Where the court is of the opinion that the evidence of certain witnesses is essential to the just decision of the case, it is bound to summon them, and for this purpose the trial can be adjourned. A just decision under this section does not mean a decision in favour of the defence (see *Rengaswami Naicker*'s case (1)). Thus, it would not be an improper exercise of the power merely because the evidence taken supports the case of the prosecution and not that of the accused. In our view, by its very nature the discretion to be exercised under section 425 C.P.C depends on the facts of each case – the main consideration being the essentiality of the additional evidence to a just decision of the case.

Di dalam kes *Phon Nam*, Abdul Hamid Ag LP semasa menyampaikan penghakiman mahkamah apabila mengupas s. 425 Kanun Acara Jenayah menyatakan seperti berikut:

> Section 425 of the Criminal Procedure Code is clearly divided into two limbs; first, a discretionary provision which provides that the court may, on an application, summon any person as a witness or recall and re-examine any

> person already examined at any stage of any inquiry, trial or other proceeding under the Code. In exercising the discretion under the first limb, the court clearly must proceed with utmost circumspection especially when there was likelihood of the fresh evidence proving to be prejudicial to the accused. Secondly, an imperative provision which requires the court to do so where the court is satisfied that the evidence to be summoned would appear to the court to be essential to a just decision of the case.

Jadi persoalan dalam kes ini ialah samada hakim Mahkamah Sesyen telah menggunakan kuasa budi bicaranya dengan betul apabila beliau memutuskan untuk menolak permohonan pihak pendakwa untuk memanggil semula SP1. Saya berpendapat atas fakta kes ini, hakim Mahkamah Sesyen telah tersilap dalam berkeputusan sedemikian. Ini adalah kerana permohonan untuk memanggil semula SP1 dibuat sebelum pihak pendakwa menutup kes dan mengikut rekod, SP1 setelah memberi keterangan hanya dilepaskan sebagai saksi tertakluk untuk dipanggil semula. Ini menunjukkan bahawa pihak pendakwa masih berhasrat dan boleh memanggil semula SP1 sebelum pihak pendakwa menutup kesnya. Bantahan peguam bahawa tindakan pihak pendakwa untuk memanggil SP1 sebagai cubaan pihak pendakwa untuk membaiki kesnya tidak boleh dijadikan alasan untuk menolak permohonan pihak pendakwa kerana ujian yang harus digunakan ialah samada pemanggilan SP1 untuk memberi keterangan akan membantu mahkamah untuk membuat keputusan yang adil. Saya berpendapat pemanggilan semula SP1 bukanlah cubaan pihak pendakwa untuk membaiki kesnya, tetapi lebih untuk membetulkan ketinggalan yang hanya disedari oleh pihak pendakwa setelah SP5 memberi keterangan. Memandangkan kes pihak pendakwa masih belum ditutup dan SP1 setelah memberi keterangan hanya dibebaskan tertakluk dipanggil semula, maka adalah tidak wajar hakim Mahkamah Sesyen untuk menolak permohonan pihak pendakwa tersebut. Kes kita ini harus dibezakan dengan kes *Public Prosecutor v. Lin Lian Chen* [1990] 2 CLJ 1020; [1990] 2 CLJ (Rep) 746 yang dikemukakan oleh peguam tertuduh untuk menyokong hujahan pihak tertuduh, di mana pemakaian s. 425 telah disentuh oleh Mohtar Abdullah H dan yang mana kemudiannya keseluruhan keputusannya dalam kes tersebut telah disahkan oleh Mahkamah Agung seperti dilaporkan dalam kes *Public Prosecutor v. Lin Man Chen* [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285. Dalam kes tersebut, Mohtar Abdullah H menyatakan:

> At the close of the prosecution case, in reply to the submission of learned counsel for the defence on this point, the learned deputy public prosecutor urged the court to recall PW2, the chemist, in order that his qualifications as an expert could be established. Although section 425 of the Criminal Procedure Code (FMS Cap 6) permits the court to recall and re-examine any witness if his evidence appears to the court to be essential to the just decision of the day, I exercised my discretion not to recall PW2 as the prosecution had already closed its case. It is not just and fair to allow the prosecution, after it has closed

its case, to make emergency repairs to defects in its case caused by its own lack of care in the conduct of its own case. In an adversary trial, the defence is entitled to the benefit of any doubt created in the prosecution case by the prosecution itself!

Jelas dari kes tersebut di atas bahawa permohonan untuk memanggil semula saksi oleh pihak pendakwa dibuat selepas pihak pendakwa menutup kesnya. Berbeza dengan kes kita ini di mana permohonan dibuat sebelum pihak pendakwa menutup kesnya dan saksi yang hendak dipanggil ialah saksi yang sebelum itu hanya telah dibebaskan tertakluk untuk dipanggil semula. Jadi pada saya atas fakta kes ini, hakim Mahkamah Sesyen telah gagal menggunakan budi-bicaranya dengan wajarnya seperti yang dikehendaki di bawah s. 425 Kanun Acara Jenayah.

(ii) Isu Menggunakan Dokumen Palsu Sebagai Dokumen Tulen

Teras kepada alasan hakim Mahkamah Sesyen dalam keputusannya yang menyatakan bahawa pihak pendakwa gagal membuktikan tertuduh berniat secara curang atau sengaja menipu untuk menggunakan dokumen palsu itu sebagai tulen ialah kerana kedua-dua mesin yang digunakan untuk membuat ujian oleh SP1 iaitu mesin ATM Bank Simpanan Nasional dan IBM 'card-reader' tidak dibuktikan berada dalam keadaan sempurna. Menurut hakim Mahkamah Sesyen, saksi-saksi dari pembekal kedua-dua mesin tersebut sepatutnya dipanggil untuk mengemukakan keterangan berkenaan kebolehfungsian tepat mesin-mesin tersebut.

Saya berpendapat bahawa hakim Mahkamah Sesyen adalah silap dalam membuat keputusan tersebut. Pada saya adalah tidak perlu untuk pihak pendakwa memanggil saksi-saksi daripada pembekal kedua-dua mesin tersebut untuk membuktikan mesin-mesin tersebut berfungsi dalam keadaan baik dan sempurna. Ini adalah kerana mesin-mesin tersebut bukanlah mesin-mesin ujian dalam erti kata yang sebenar tetapi merupakan mesin-mesin yang sedia dan sedang digunakan oleh pihak bank untuk transaksi harian di Cawangan Bank Simpanan Nasional di Jalan Macalister Pulau Pinang. Dalam kes ini, SP1 telah mencuba kad-kad dengan kombinasi pin yang diperolehi dari milikan tertuduh dan mendapati kad "P1C" apabila digunakan dengan nombor pin 6409 dan "P1D" apabila digunakan dengan nombor pin 5155 boleh menembusi akaun di Bank Simpanan Nasional untuk pengeluaran wang dan penyemakan baki akaun. SP1 seterusnya dengan menggunakan mesin IBM 'card-reader' mendapati kad "P1C" merujuk kepada akaun nombor 820800566569128 kepunyaan Nazeri bin Hassan dan "P1D" merujuk kepada nombor akaun 820800564539013 kepunyaan Che Puteh bt Abd Rahman.

Adalah jelas bahawa apa yang dilakukan oleh SP1 bukanlah ujian dalam erti kata yang sebenar dan mesin-mesin yang digunakan bukanlah mesin-mesin ujian yang spesifik seperti alat timbang yang digunakan oleh ahli kimia untuk menentukan berat dadah, tetapi mesin yang digunakan oleh pihak bank dalam transaksi harian. Memandangkan penggunaan kad-kad "P1C" dan "P1D" dengan nombor pin yang berkaitan di mesin ATM membolehkan wang dikeluarkan sudah tentu mesin ATM tersebut adalah berfungsi. Samalah juga dengan mesin IBM 'card-reader' dimana kad-kad "P1C" dan "P1D" apabila digunakan kepada mesin tersebut merujuk masing-masing kepada akaun yang terdapat di Bank Simpanan Nasional yang dipunyai bukan oleh tertuduh, tetapi oleh Nazeri bin Hassan dan Che Puteh bt Abd Rahman. Keterangan SP1 bagaimana beliau telah menggunakan kad-kad tersebut di kedua-dua mesin adalah jelas dan melalui keterangannya, kedua-dua mesin adalah berfungsi. Tambahan pula pegawai penyiasat kes ini, SP5 yang menyaksikan dan berada bersama SP1 telah menyatakan kedua-dua mesin adalah berfungsi. Jadi keterangan bahawa kedua-dua mesin adalah berfungsi, tidak seharusnya diragukan. Pada saya, adalah tidak perlu saksi-saksi dari pembekal kedua-dua mesin tersebut dipanggil untuk memberi keterangan berkenaan kebolehfungsian tepat mesin-mesin tersebut. Keterangan SP1 dan SP5 apabila dipercayai adalah memadai. Isu yang harus diputuskan ialah samada tertuduh berniat menggunakan kad "P1C" dan "P1D" sebagai tulen. Samada tertuduh berniat untuk menggunakan kad tersebut sebagai kad tulen adalah sesuatu yang boleh dibuat inferens dari fakta kes. Dalam kes kita ini, fakta bahawa eks. "P1C" dan "P1D" yang dijumpai dalam milikan tertuduh boleh menembusi akaun simpanan Bank Simpanan Nasional yang bukan milik tertuduh apabila digunakan bersama-sama nombor pin yang dijumpai di dalam dompet tertuduh adalah elemen yang penting di dalam menentukan niat tertuduh memiliki eksibit-eksibit tersebut.

Pada saya atas fakta kes ini, mahkamah boleh membuat inferens bahawa tertuduh mempunyai niat secara curang untuk menggunakan kad-kad tersebut sebagai tulen. Secara *prima facie* unsur ini telah dibuktikan oleh pihak pendakwa.

Memandangkan hakim Mahkamah Sesyen dalam alasan-alasan penghakiman telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan secara *prima facie* unsur-unsur lain yang perlu dibuktikan untuk kesalahan dibawah s. 474, dan memandangkan mahkamah ini berpendapat bahawa atas keterangan yang ada bahawa pihak pendakwa raya juga telah membuktikan secara *prima facie* bahawa tertuduh mempunyai niat secara curang untuk menggunakan kad-kad tersebut sebagai tulen, maka walaupun tanpa keterangan SP1 selanjutnya seperti yang hendak dikemukakan oleh pihak pendakwa melalui pemanggilan semula

SP1 yang telah ditolak oleh hakim Mahkamah Sesyen, keputusan hakim Mahkamah Sesyen yang melepaskan dan membebaskan tertuduh tanpa dipanggil membela diri sewajarnya diketepikan. Rayuan pihak pendakwa dibenarkan dan mahkamah ini mengarahkan tertuduh dihadapkan semula di hadapan hakim Mahkamah Sesyen yang sama di Butterworth untuk dipanggil membela diri atas kedua-dua pertuduhan.